



30 MAY, 2026

TNB labur RM43 bilion perkasa grid negara

Harian Metro, Malaysia



Kuala Lumpur: Program pemodenan grid Tenaga Nasional Bhd (TNB) bernilai RM43 bilion bakal memenuhi permintaan terhadap pusat data yang meningkat di Malaysia, dengan keperluan tenaga masa depan telah dimasukkan dalam perancangan penjana nasional yang lebih menyeluruh bagi memastikan kesiapsiagaan sistem untuk tempoh jangka panjang.

Bercakap pada Ekspo Pusat Data dan Infrastruktur Awan 2026, Ketua Pegawai Grid TNB, Hasmarizal Hassan berkongsi langkah syarikat utiliti itu menyediakan infrastruktur grid untuk menyokong perkembangan pesat sektor berkenaan, termasuk kapasiti sambungan, tempoh pelaksanaan dan perancangan sistem jangka panjang.

Antara tumpuan utama ialah Laluan Lorong Hijau TNB, yang telah dirancang tempoh sambungan grid untuk pusat data



TNB sediakan infrastruktur grid untuk menyokong perkembangan pesat sektor terbabit.

daripada 36 bulan kepada serendah 12 bulan, menurut Hasmarizal dalam catatan di media sosial TNB.

Sehingga Mac 2026, sejumlah 33 projek telah dilaksanakan di bawah rangka kerja ini, mencerminkan pengiktirafan TNB bahawa kelajuan sambungan merupakan faktor utama dalam memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai hab pusat data serantau.

“Bagi mengurus pertumbuhan permintaan berskala

la besar, TNB turut mengguna pakai strategi grid berasaskan kluster, memberi tumpuan kepada pelaburan infrastruktur penghantaran dalam koridor pertumbuhan yang telah dikenal pasti,” katanya.